

# 'Jangan ketepikan peluang dagang di negara2 Asean'

BH 9 JUL 1995

KUALA LUMPUR, Isnin — Sektor swasta Asean hari ini diingatkan jangan mengeneikan peluang perdagangan yang luas di negara-negara Asean sendiri dalam kehairahan mereka mengejar peluang perdagangan di China.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata di samping hakikat bahawa pasaran Asean adalah empat kali ganda lebih besar daripada pasaran China, ia juga terletak di ambang pintu perdagangan negara masing-masing.

Tambahan pula, katanya, sistem perdagangan yang diamalkan di China dan dalam beberapa hal, jumlah barangan yang boleh diperdagangkan di negara itu masih belum diketahui dengan pasti.

Katanya, sektor swasta Asean seharusnya berusaha mengetahui secara lebih luas peluang pasaran di kalangan negara-negara rantau ini sebagaimana mereka mengetahui peluang perdagangan di Jepun, Amerika dan Eropah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun persaingan dalam struktur ekonomi Asean adalah pesat, tetapi masih banyak bidang kerjasama yang boleh diterokai bagi kepentingan bersama.

## Pasaran tetap

"Adalah kena pada masanya kini, kita sebagai negara-negara yang percaya kepada pergerakan Asean dan melihat potensi yang besar untuk bantu-membantu dalam ekonomi, bergerak ke arah itu," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Luar Asean ke-18 di sini, hari ini.

Beliau berkata, para pengusaha dan pedagang Asean sekarang memerhati pasaran China yang begitu 'meluas', tetapi lupa kepada kenyataan bahawa peluang pasaran tetap wujud di Asean.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada beberapa halangan kepada kerjasama ekonomi yang lebih besar di kalangan negara-negara Asean, beliau tidak nampak ia sebagai satu masalah besar jika usaha bersungguh-sungguh dilakukan oleh negara-negara

anggotanya.

"Malaysia bersama negara-negara anggota Asean yang lain mesti memastikan bahawa mereka akan menjadi pusat perhatian dunia dan asas kepada dasar luar negara-negara anggota," katanya.

Selain itu, tambah Perdana Menteri, Asean mesti menjamin penyelesaian kepada ketegangan dan masalah ekonomi Amerika Syarikat-Jepun, tidak membebankan mereka dan keadaannya tidak terus membara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekalipun masih banyak yang belum dapat dicapai di bidang kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara anggota Asean, perbatasan serantau itu masih tetap menjadi sebuah institusi yang penting.